

**PANTUN:
 “COVID-19 DAN USAHAWAN KREATIF”**

**SUTINA BINTI JUNOS
 SHAHRUL AMRI AB WAHAB**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN,
 UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU**

Duduk di rumah elak jangkitan
 Sentiasa berdoa ianya pergi
 Usahawan fikir gapai wawasan
 Demi kejayaan bertukar strategi

Bermacam ikhtiar usaha kerajaan
 Kesihatan rakyat jadi keutamaan
 Usahawan tabah medepani cabaran
 Fikiran luar kotak menjadi pilihan

Patuhi SOP amatlah penting
 Semua masyarakat sentiasa seiring
 Tukar idea guna ‘brainstorming’
 Idea tercatat melalui ‘mind mapping’

Sentiasa peka janganlah naif
 Keadaan semasa tanggungjawab utama
 Ubah negatif kepada positif
 Hasil tercipta impian bersama

Ada kluster Jalan Jasmine
 Makin bertambah tiada pesanan
 Dari ‘offline’ gerak ke ‘online’
 Media sosial main peranan

Kes menurun jadi harapan
 Berkat usaha, kejayaan diperoleh
 Khidmat pantas jadi pilihan
 ‘Walk in’ boleh, COD pun boleh

Informasi terkini di media massa
 Didengar, ditonton bersama - sama
 Pelbagai perasa, pelbagai perisa
 Citarasa semasa pilihan utama

Barisan hadapan tampak elegan
 Sentiasa positif tiada mengalah
 Cara pembayaran mesra pelanggan
 Tunai ok, debit ok, ‘transfer’ pun oklah

Sentiasa berusaha pelbagai cara
 Semangat melawan tuhan kurnia
 Sudah terkenal dalam negara
 Ingin takluki pasaran dunia

Covid -19 ancaman dunia
 Norma baharu, semua perkasa
 Usaha dan ikhtiar diiringi doa
 Mohon berkat yang maha esa